Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan satu lagi lwn Gemajaya Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — WRIT SAMAN NO MT 1–22–572 TAHUN 1998
SURIYADI H
19 APRIL 2006

Acara Sivi — Penghakiman dan perintah — Penghakiman ingkar kehadiran — Permohonan untuk mengetepikan — Kelewatan lebih kurang lima tahun yang tidak dijelaskan — Prinsip-prinsip yang terpakai — Merit permohonan — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 42 k 13

Plaintif pertama (perayu pertama) adalah sebuah badan statutori yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Perbadanan) 1955, dan plaintif kedua (perayu kedua) pula adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, manakala defendan (responden) adalah sebuah syarikat pemaju perumahan. Tuntutan pihak plaintif-plaintif terhadap defendan adalah untuk jumlah sebanyak RM400,063 iaitu baki bahagian keuntungan bersih hasil jualan daripada projek perumahan melalui perjanjian usahasama kedua-dua pihak. Plaintif kedua telah memulakan satu tindakan terhadap defendan melalui writ saman dan pernyataan tuntutan. Di atas kegagalan defendan memasukkan kehadiran, plaintif kedua telah memasukkan penghakiman ingkar kehadiran terhadap defendan. Defendan kemudiannya setelah menerima salinan termeterai penghakiman ingkar ini telah memfailkan satu permohonan saman dalam kamar antara lain memohon untuk mengetepikan penghakiman ingkar tersebut dibatalkan kerana ianya menyalahi proses dan prosedur mahkamah. Semasa membuat permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar tersebut di hadapan Timbalan Pendaftar, defendan telah menyatakan bahawa, jumlah yang dituntut oleh plaintif di dalam writ saman dan pernyataan tuntutan iaitu RM400,063 adalah salah dan tidak betul kerana tidak mengambil kira RM20,000 yang telah dibayar oleh defendan kepada plaintif. Atas sebab jumlah tuntutan yang salah ini, timbalan pendaftar telah mengetepikan penghakiman ingkar tersebut atas alasan ia adalah tidak teratur serta tidak terpakai. Plaintif-plaintif yang tidak berpuas hati dengan keputusan timbalan pendaftar kini memfailkan rayuan kepada hakim dalam kamar untuk merayu terhadap keputusannya.

Diputuskan, membenarkan rayuan tersebut:

(1) Defendan sepatutnya membuat permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar tersebut di dalam tempoh sebulan selepas penerimaan penghakiman termeterai. Namun defendan memfailkan permohonannya pada 23 Disember 2003. Kelewatan defendan ini lebih kurang empat tahun. Defendan sendiri mengesahkan bahawa tiada permohonan untuk

mendapatkan kebenaran mahkamah bagi memfailkan di luar jangka masa dan defendan turut mengakui bahawa permohonan tersebut sememangnya di luar jangka masa. Jelas defendan tidak mematuhi kehendak prosedur sivil yang betul (lihat perenggan 12). Defendan gagal untuk memberi sebarang alasan atau justifikasi yang munasabah terhadap kelewatan pemfailan permohonannya yang mana jelas sekali di luar had masa 30 hari yang dikehendaki di bawah A 42 k 13 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') (lihat perenggan 19).

(2) Defendan telah gagal dan dengan cuainya tidak mengaplikasikan peruntukan-peruntukan sedia ada di dalam KMT 1980. Apa yang lebih mengecewakan adalah sikap sambil lewa defendan yang tidak mengendahkan kehendak dan peraturan prosiding sivil. Ini merupakan satu kecuaian yang serius oleh dirinya sendiri, yang mana mahkamah tidak akan mempertimbangkannya. Sebagai rumusan sekiranya defendan menyedari bahawa terdapatnya kelewatan di dalam pemfailan permohonannya, defendan sepatutnya mendapatkan kebenaran mahkamah untuk memfailkan di luar jangka masa. Ianya masih boleh dirawat, tetapi defendan tidak mempedulikannya (lihat perenggan 21).

(3) Permohonan defendan adalah tidak teratur kerana difailkan di luar jangkamasa tanpa kebenaran mahkamah. Timbalan pendaftar sepatutnya tidak boleh membenarkan permohonan defendan. Maka, keputusan timbalan pendaftar yang telah membenarkan permohonan defendan adalah salah dan cacat. Memandangkan permohonan defendan tidak teratur, rayuan perayu plaintif-plaintif dibenarkan dan permohonan defendan untuk mengetepikan penghakiman ingkar tersebut dibatalkan. Penghakiman ingkar tersebut dikekalkan (lihat perenggan 22–23).

[English summary

The first plaintiff is a statutory body incorporated in Malaysia under the Selangor State Secretary (Incorporated) Enactment 1955, and the second plaintiff (second appellant) is a company incorporated in Malaysia, while the defendant (respondent) is a housing developer company. The plaintiff claimed the sum of RM400,063 from the defendant being the balance of the net profit from the proceeds of the sale of the housing project pursuant to the joint venture agreement between the parties. The second plaintiff had commenced an action vide a writ of summons and statement of claim against the defendant. The defendant failed to enter appearance, the second plaintiff entered the judgment in default of appearance against the defendant. Upon receipt of the sealed default judgment, the defendant filed an application vide summons in chamber praying inter alia to set aside the default judgment as it was an abuse of the court process and procedure. In the hearing of the application to set aside the default judgment before the deputy registrar, the defendant alleged that the sum claimed by the plaintiff in the writ of summons and the statement of claim, ie RM400,063 was incorrect as it did not take into consideration the sum of RM20,000 which had been paid by the defendant to the plaintiff. By the reason of the said wrongful claim, the deputy registrar had set aside the default judgment on the ground that it was improper and inapplicable.

Dissatisfied with the deputy registrar's decision, the plaintiffs filed this appeal to the judge in chamber appealing against it.

Held, allowing the appeal:

(1) The defendant should have made the application to set aside the default judgment within one month after the receipt of the sealed judgment. However, the defendant only filed its application on 23 December 2003. The defendant was delayed by approximately four years. The defendant itself had confirmed that no application was made to seek the leave of the court to file out of time and the defendant also conceded that the application was indeed out of time. It was clear that the defendant had not complied with the requirement of the correct civil procedure (see para 12). The defendant failed to give any reason or reasonable justification for the delay in filing its application which was clearly outside the limit of 30 days as required under the provision of O 42 r 13 of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC') (see para 19).

(2) The defendant had negligently failed to apply the provisions pursuant to the RHC. What was more frustrating was the defendant's lackadaisical attitude towards the requirement and rules of civil proceedings. This is a serious negligence on the part of the defendant itself, which the court shall not tolerate. As a conclusion, if the defendant had realised that there was a delay in the filing its application, the defendant should have sought the leave of the court to file its application out of time. It can still be cured, but the defendant neglected it (see para 21).

(3) The defendant's application was not in order as it was filed out of time without the leave of the court. The deputy registrar should not have allowed the defendant's application. Therefore, the deputy registrar's decision in allowing the defendant's application was wrong and defective. As the defendant's application was not in order, the plaintiffs' appeal was allowed and the defendant's application to set aside was dismissed. The default judgment is reinstated (see paras 22–23).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penghakiman ingkar kehadiran, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed) Consolidated Subject Index perenggan 3725–3728.

Kes-kes yang dirujuk

Gan Hay Chong v Slow Klan Yuh & Anor [1975] 2 MLJ 129 (dirujuk)

Khor Cheng Wah v Sungai Way Leasing Sdn Bhd [1996] 1 MLJ 223 (dirujuk)

Koperasi Belia Nasional Bhd v Storage Enterprise (Port Kelang) Sdn Bhd [1998] 3 MLJ 209 (dirujuk)

Tuan Haji Ahmed Abdul Rahman v Arab Malaysian Finance Bhd [1996] 1 MLJ 30 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 3 k 5(1) dan (2), A 42 k 13

M Indrani (Jamaluddin Ibrahim & Associates) bagi pihak perayu/plaintif.
Mary Ann Johnson (PH Lee & Partners) bagi pihak responden/defendan.

Suriyadi H:

[1] Plaintif pertama (perayu pertama) adalah sebuah badan statutori yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Perbadanan) 1955, dan plaintif kedua (perayu kedua) pula adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, manakala defendan (responden) adalah sebuah syarikat pemaju perumahan. Tuntutan pihak plaintif-plaintif terhadap defendan adalah untuk jumlah sebanyak RM400,063 iaitu baki bahagian keuntungan bersih hasil jualan daripada projek perumahan melalui perjanjian usahasama kedua-dua pihak.

[2] Defendan telah menandatangani satu Perjanjian Usahasama bertarikh 8 Julai 1989 (Perjanjian tersebut) untuk membina dan menyiapkan projek perumahan secara usahasama dengan plaintif pertama di Taman Sekinchan Indah, Lot 12220–12229, 12247–12253 dan 12277–12281, Mukim Pasir Panjang, Daerah Sabak Bernam, Selangor. Pada 8 Julai 1989 juga, plaintif pertama telah menandatangani satu surat kuasa wakil dan telah memberi kuasa kepada plaintif kedua untuk mengendalikan projek. Melalui surat kuasa tersebut, plaintif kedua diberi kuasa untuk mengutip wang yang dihutang kepada plaintif pertama daripada perihal projek perumahan tersebut dan mempunyai kuasa yang sepenuhnya untuk memulakan presiding mahkamah untuk mendapatkan kembali kesemua wang yang terhutang kepada plaintif pertama. Pada 19 Ogos 1992, defendan telah menandatangani satu lagi perjanjian iaitu perjanjian tambahan dengan plaintif-plaintif bagi tujuan projek tersebut. Mengikut Jadual Ketiga Perjanjian Tambahan, defendan dikehendaki membayar kepada plaintif pertama sebanyak RM900,000 sebagai nilai peruntukkan kepada plaintif bagi tujuan projek tersebut. Pihak defendan telah menjual kesemua rumah-rumah dalam projek tersebut, akan tetapi defendan hanya telah membayar kepada pihak plaintif-plaintif sejumlah wang sebanyak RM499,937 dan defendan masih terhutang sebanyak RM400,063, tidak termasuk penalti sebanyak 10% setahun atas kelewatan membayar kepada plaintif kedua.

[3] Setakat 29 Februari 1996, defendan masih terhutang kepada plaintif untuk jumlah sebanyak RM400,063. Oleh itu, plaintif kedua telah memulakan satu tindakan terhadap defendan melalui writ saman dan pernyataan tuntutan bertarikh 13 Mei 1998. Di atas kegagalan pihak defendan memasukkan kehadiran, pihak plaintif kedua telah memasukkan penghakiman ingkar kehadiran terhadap defendan pada 18 Julai 1998, walaupun penyampaian writ saman dan pernyataan tuntutan yang termeterai telah dihantar serah kepada alamat perniagaan defendan pada 7 Mei 1998 (eksh NS-8 lamp 13).

[4] Defendan kemudiannya setelah menerima salinan termeterai penghakiman ingkar ini telah memfailkan satu permohonan saman dalam kamar bertarikh

23 Disember 2003 (lampiran 11) antara lain memohon untuk mengenepikan penghakiman ingkar yang bertarikh 18 Julai 1998 serta penghakiman ingkar terpinda bertarikh 30 April 2003 dan writ saman dan pernyataan tuntutan tersebut dibatalkan kerana ianya menyalahi proses dan prosedur mahkamah. A

[5] Semasa membuat permohonan untuk mengenepikan penghakiman ingkar tersebut di hadapan timbalan pendaftar, defendan telah menyatakan bahawa, jumlah yang dituntut oleh plaintif di dalam writ saman dan pernyataan tuntutan iaitu RM400,063 adalah salah dan tidak betul kerana tidak mengambil kira RM20,000 yang telah dibayar oleh defendan kepada plaintif pada 25 Mac 1996. Atas sebab jumlah tuntutan yang salah ini, maka penghakiman ingkar yang dimasukkan pada 18 Julai 1998 adalah tidak teratur serta tidak terpakai dan defendan berhak untuk mengenepikan penghakiman tersebut. Walau bagaimanapun, sebelum itu plaintif telah memasukkan satu saman dalam kamar bertarikh 11 Februari 2003 (lampiran 7) yang memohon untuk meminda jumlah penghakiman daripada RM400,063 kepada RM380,063 selaras dengan RM20,000 yang telah dibayar oleh defendan kepada plaintif. Mahkamah telah membenarkan permohonan plaintif untuk meminda penghakiman tersebut melalui perintah bertarikh 30 April 2003. Defendan yang tidak berpuas hati dengan perintah mahkamah tersebut telah merayu kepada hakim dalam kamar melalui notis rayuan bertarikh 2 Mei 2003, namun rayuan tersebut sehingga hari ini masih belum didengar dan diputuskan oleh mahkamah. Menurut defendan lagi, plaintif mengambil masa yang terlalu lama iaitu selama lima tahun untuk mengubah jumlah penghakiman tersebut dan ini telah memprejudiskan defendan. Ini kerana apabila plaintif mengubah (vary) penghakiman tersebut pada 30 April 2003, defendan telahpun membayar penuh jumlah wang pokok (principal sum) seperti di dalam penghakiman ingkar bertarikh 18 Julai 1998 dan plaintif tidak menyatakan sebarang alasan terhadap kelewatan plaintif untuk membuat tuntutan plaintif terhadap penalti dan faedah tersebut. Tambahan lagi, penghakiman yang telah dipinda pada 30 April 2003 juga tidak menggambarkan (reflect) terhadap writ saman dan pernyataan tuntutan, kerana plaintif tidak pernah mengubah atau meminda writ saman dan pernyataan tuntutan tersebut. Defendan turut berhujah bahawa writ saman dan pernyataan tuntutan serta sesalinan perintah bag! penghakiman ingkar tidak diberikan dan tidak berada di dalam milikan defendan. B C D E F G

[6] Melalui perintah mahkamah bertarikh 30 April 2003, plaintif telah diberi kebenaran untuk mengubah (vary) jumlah penghakiman daripada RM400,063 kepada RM380,063, plaintif juga memohon untuk faedah 10% setahun bermula dari 1 Mac 1996 sehingga ke tarikh penyelesaian penuh dan sejumlah wang sebanyak RM146,008.33 sebagai bayaran penalti dan kos sebanyak RM225. H

[7] Menurut defendan, melalui perintah mahkamah yang bertarikh 30 April 2003, sepatutnya plaintif tidak lagi menuntut sebarang jumlah prinsipal kerana segala jumlah prinsipal tersebut telahpun dibayar oleh defendan kepada plaintif. Maka faedah 10% setahun tersebut tidak boleh dituntut oleh plaintif terhadap defendan kerana jumlah 10% setahun itu harus dikira atas jumlah penghakiman ingkar yang diperolehi oleh plaintif. Dalam kata erti yang lain, setelah pindaan bertarikh 30 April 2003 dibuat, di sini tiada lagi jumlah penghakiman yang terhutang atau jumlah prinsipal yang terhutang kerana defendan telahpun selesai I

membayar jumlah prinsipal selaras dengan penghakiman tersebut kepada plaintif. Hujahan defendan juga bahawa penalti yang dituntut oleh plaintif terhadap defendan tidak berasas kerana tidak termaktub di dalam Perjanjian Usahasama bertarikh 8 Julai 1989 ataupun Perjanjian Tambahan bertarikh 19 Ogos 1992 dan faedah ini terlalu tinggi. Defendan menegaskan bahawa tuntutan plaintif seharusnya berdasarkan kepada Perjanjian Usahasama tersebut.

[8] Defendan turut berhujah bahawa defendan telahpun membayar dengan sepenuhnya jumlah prinsipal tersebut seperti di dalam penghakiman ingkar tersebut kepada plaintif kedua. Pembayaran ini dibuat setelah defendan menerima beberapa pucuk surat dari plaintif kedua dan berjumpa dengan ketua eksekutif bagi plaintif kedua yang mana beliau telah bersetuju untuk meneliti akan perkara ini. Defendan telah mempercayai representasi ketua eksekutif pihak plaintif kedua untuk menyelesaikan perkara ini di luar mahkamah. Menurut defendan walaupun plaintif telah menerima bayaran penuh jumlah prinsipal tersebut, namun perkara ini telah gagal diselesaikan di luar mahkamah. Setelah membaca hujahan-hujahan bertulis kedua-dua belah pihak, timbalan pendaftar telah pada 23 Jun 2004 memerintahkan bahawa penghakiman ingkar yang bertarikh 18 Julai 1998 diketepikan, justeru itu permohonan defendan di lampiran 11 dibenarkan dengan kos.

[9] Pihak plaintif yang tidak berpuas hati dengan keputusan timbalan pendaftar yang bertarikh 23 Jun 2004 kini memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar pada 24 Jun 2004 (lampiran12) untuk merayu terhadap keputusannya. Rayuan plaintif adalah untuk mengenepikan keputusan timbalan pendaftar yang telah membenarkan permohonan defendan di lampiran 11 iaitu untuk mengenepikan penghakiman ingkar dan membatalkan writ saman serta penyataan tuntutan.

[10] Menurut plaintif, penghakiman tersebut adalah teratur (regular) kerana writ saman dan pernyataan tuntutan yang bermeterai telahpun diserahkan kepada defendan di alamat perniagaannya pada 7 Mei 1998 dan defendan turut menerima kedua-duanya dengan efektif (eksh NS-8, lampiran 13). Sesalinan perintah penghakiman ingkar tersebut telah dihantar kepada defendan dan berikutan penerimaan penghakiman tersebut, defendan telahpun memberi efek kepada penghakiman ingkar dengan mula membayar kepada jumlah prinsipal yang tertunggak seperti di dalam penghakiman tersebut.

[11] Plaintif selanjutnya menyatakan bahawa pembayaran prinsipal (penuh) terakhir yang dibuat oleh defendan adalah pada 17 November 1999, dan selepas dari tarikh tersebut tiada lagi sebarang pembayaran yang dibuat. Defendan sendiri telah mengakui membuat pembayaran penuh setelah menerima penghakiman termeterai. Walau bagaimanapun, semasa pendengaran rayuan ini di hadapan saya, plaintif telah membangkitkan satu bantahan awal terhadap kelewatan yang nyata di dalam permohonan defendan untuk mengenepikan penghakiman ingkar (lampiran 11).

[12] Saya berpendapat bahawa sepatutnya defendan membuat permohonan untuk mengenepikan penghakiman itu di dalam tempoh sebulan selepas penerimaan penghakiman termeterai. Namun defendan memfailkan permohonannya pada

23 Disember 2003. Kelewatan defendan ini lebih kurang empat tahun. Defendan sendiri mengesahkan bahawa tiada permohonan untuk mendapatkan kebenaran mahkamah bagi memfailkan di luar jangka masa dan defendan turut mengakui bahawa permohonan di lampiran 11 tersebut sememangnya di luar jangka masa. Menurut defendan, semasa pendengaran lampiran 11 di hadapan timbalan pendaftar, tiada bantahan yang dibangkitkan oleh plaintif. Plaintif tidak membantah dan tidak menyentuh langsung isu pemfailan di luar jangka masa. Walau bagaimanapun, saya tidak perlu bersimpati terhadap defendan sekarang, kerana dengan jelas defendan tidak mematuhi kehendak prosedur sivil yang betul.

[13] Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') ada memperuntukkan hak kepada mana-mana pihak untuk mengenepikan atau mengubah penghakiman ingkar yang diterima:

> O 13 r 8 RHC 1980
>
> The Court may, on such terms as it thinks just, set aside or vary any judgment entered in pursuance of this Order.

[14] Langkah yang sewajarnya yang perlu dititik beratkan oleh defendan adalah tentang had masa (limitation period) untukmemfailkan permohonan untuk mengenepikan penghakiman. Saya menggunapakai A 42 k 13 KMT, antara lain menyebut:

> Where in these Rules provisions are made for setting aside or varying of any order or judgment, a party intending to set aside or to vary such order or judgment must make his application to the Court and serve it on the party who has obtained the order or judgment within thirty days after the receipt of the order or judgment *must make his application to the Court and serve it on the party who has obtained the order or judgment within thirty days after the receipt of the order or judgment by him.* (Emphasis added.)

[15] Berdasarkan peruntukan A 42 k13 KMT tersebut, saya ingin memetik kepada pengamatan NH Chan, Abu Mansur and Abdul Malek Ahmad JJCA di dalam kes *Koperasi Belia Nasional Bhd v Storage Enterprise (Port Kelang) Sdn Bhd* [1998] 3 MLJ 209 yang menyatakan bahawa:

> The sealed judgment of Siti Norma Yaakob J was served on the defendants on 3 February 1994. Order 42 r 13 of the RHC requires that the defendant's application to set aside that judgment must be filed and served on the plaintiff within 30 days of the receipt of the sealed judgment. The application of the defendant to the court has the judgment set aside was served on the plaintiff on 28 March 1994 which was more than *30 days from 3 February 1994. The defendant's application did not comply with O 42 r 13 as it was served on the plaintiff outside the time allowed to make and serve the application.* (Emphasis added.)

[16] Ketiga-tiga Yang Arif Hakim di dalam kes di atas telah bersetuju bahawa rayuan perayu ditolak dengan kos kerana permohonan perayu tidak mengikut kehendak A 42 k 13 KMT.

[17] Sebelum ini defendan pernah menghujahkan bahawa penghakiman ingkar yang diperolehi oleh plaintif adalah salah kerana tidak mengambil kira RM20,000

yang telah dibayar oleh defendan kepada plaintif kedua. Sepatutnya defendan menggunakan peluang ini untuk membuat permohonan untuk mengenepikan penghakiman ingkar yang bertarikh 18 Julai 1998. Walau bagaimanapun, defendan yang sedar dan tahu bahawa penghakiman tersebut di luar aturan (irregular) dari awal lagi, tidak mengambil sebarang langkah yang aktif untuk mengenepikannya seberapa segera.

[18] Merupakan peraturan am, sekiranya mahkamah mendapati dengan jelas dan berpuas hati bahawa sesuatu penghakiman itu tidak teratur dan di luar aturan, pihak defendan berhak untuk mengenepikannya *ex debito justitiae* atau tanpa perlu berhujah merit pembelaannya. Namun, apa yang paling utama adalah permohonan untuk mengenepikan penghakiman harus dibuat dengan kesegeraan yang munasabah (*Tuan Haji Ahmed Abdul Rahman v Arab Malaysian Finance Bhd* [1996] 1 MLJ 30).

[19] Dalam konteks ini, beban pembuktian adalah ke atas defendan. Pada pengamatan saya, defendan telah gagal untuk memberi sebarang alasan atau justifikasi yang munasabah terhadap kelewatan pemfailan permohohannya yang mana jelas sekali di luar had masa 30 hari (A 42 k 13 KMT). Saya merujuk kepada kes *Khor Cheng Wah v Sungai Way Leasing Sdn Bhd* [1996] 1 MLJ 223, Gopal Sri Ram HMR memutuskan bahawa:

> 2. It is cardinal principle of law, that when a litigant seeks the intervention of the court in a matter that affects his rights, he must do timeously. The maxim vigilantibus, non dormientibus, jura subveniunt, though having its origin in the Court of Chancery, is of universal application. Even in cases where a right is exercisable ex debito justitiae, a court may refuse relief to an indolent litigant.
>
> 3. In all cases in which delay approaching the court is in issue, *the burden is upon the litigant who has delayed to render a satisfactory explanation for it.* Whether the explanation in a given in case is satisfactory depends upon the facts and circumstances of each case. In a matter which involves the exercise of discretion, it is for the judge in whom the law primarily vests the discretion.

[20] Menyentuh isu perlanjutan masa, ingin saya tekankan di sini bahawa mahkamah mempunyai budi bicara untuk memberi perlanjutan atau memendekkan masa di dalam mana-mana presiding sivil. Peruntukan undang-undang bagi tujuan perlanjutan masa ini di dalam A 3 k 5(1) dan (2) KMT dan berbunyi:

> (1) The court may, on such terms as it thinks just, by order extend or abridge the period within which a person required or authorized by these rules or by any judgment, or order or direction, to do any act in any proceedings.
>
> (2) The court may extend any such period as is referred to in para (1) although the application for extension is not made until the expiration of that period.

[21] Peruntukan kaedah ini menunjukkan bahawa mahkamah mempunyai budi bicara untuk melanjutkan atau memendekkan tempoh dengan tujuan untuk mengelakkan sebarang ketidakadilan kepada mana-mana pihak. Walaupun ianya merupakan kuasa budi bicara mahkamah, tetapi mahkamah perlu menggunapakai kuasa itu di dalam konteks kehakiman yang betul dan teratur (the court will have exercise it judicially). Malangnya defendan telah gagal dan dengan cuainya tidak

mengaplikasikan peruntukan-peruntukan sedia ada di dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Apa yang lebih mengecewakan saya adalah sikap sambil lewa defendan yang tidak mengendahkan kehendak dan peraturan prosiding sivil. Ini merupakan satu kecuaian yang serius oleh dirinya sendiri, yang mana saya tidak akan mempertimbangkannya (*Gan Hay Chong v Slow Klan Yuh & Anor* [1975] 2 MLJ 129). Sebagai rumusan sekiranya defendan menyedari bahawa terdapatnya kelewatan di dalam pemfailan permohonannya di lampiran 11, defendan sepatutnya mendapatkan kebenaran mahkamah untuk memfailkan di luar jangka masa. lanya masih boleh dirawat, tetapi defendan tidak mempedulikannya.

[22] Saya berpendapat bahawa permohonan defendan di lampiran 11 adalah sememangnya tidak teratur kerana difailkan di luar jangkamasa tanpa kebenaran mahkamah. Timbalan pendaftar sepatutnya tidak boleh membenarkan permohonan defendan di lampiran 11 tersebut. Maka, keputusan timbalan pendaftar yang telah membenarkan permohonan defendan di lampiran 11 adalah salah dan cacat.

[23] Memandangkan permohonan defendan di lampiran 11 tidak teratur, saya dengan ini membenarkan rayuan perayu plaintif dengan kos dan permohonan defendan untuk mengenepikan penghakiman ingkar (lampiran 11) dibatalkan. Penghakiman ingkar yang bertarikh 18 Julai 1998 dikekalkan.

Rayuan dibenarkan

Reported by Peter Ling